
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**HIU 122 – PERLUASAN 'AQIDAH ISLAMIYYAH: KONSEP DAN
PENGHAYATAN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. [a] Ilmu 'aqidah adalah suatu bentuk pengajian yang menjadi asas dalam Islam. Berdasarkan kenyataan ini, jelaskan persoalan-persoalan di bawah:
- [i] Pengertian 'aqidah menurut bahasa dan istilah.
[10 markah]
- [ii] Satu kesan 'aqidah kepada individu dan satu kesan 'aqidah kepada masyarakat.
[10 markah]
- [iii] EMPAT aspek 'aqidah menurut perspektif al-Qur'an.
[20 markah]
- [b] Huraikan DUA daripada perkara-perkara dasar yang telah disepakati oleh para 'ulama *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* tentang beberapa aspek berkaitan dengan 'aqidah Islam.
[60 markah]
2. Beriman kepada Rasul adalah sebahagian daripada rukun Iman. Berdasarkan kenyataan ini, jawab semua soalan berikut:
- [a] Perutusan para rasul mempunyai peranan masing-masing. Nyatakan DUA daripada peranan mereka.
[20 markah]
- [b] Huraikan DUA perbezaan pandangan *ulama salaf* dan *mu'tazilah* mengenai konsep perutusan rasul.
[40 markah]
- [c] Huraikan DUA perbezaan pandangan ulama berhubung persoalan *ummi* Nabi Muhammad SAW selepas menjadi nabi.
[40 markah]

3. [a] Firman Allah: **لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ**
- "Baginya apa yang ia telah usahakan, dan ke atasnya apa yang ia telah usahakan". (al-Baqarah: ayat 286)
- Berdasarkan ayat al-Qur'an di atas, jelaskan TIGA konsep hari pembalasan dan DUA pembahagiannya menurut pandangan ulama *ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*.
- [50 markah]
- [b] Huraikan secara ringkas hubungan iman dengan akhlak dan hari pembalasan.
- [30 markah]
- [c] Jelaskan aspek-aspek berikut:
- [i] 'Arad (عرض) dan *hisab* (حساب) [10 markah]
- [ii] *Mizan* (ميزان) dan *shafaat* (شفاعة) [10 markah]
4. Iman merupakan asas ketauhidan kepada Allah S.W.T. dan memberi pengaruh yang besar kepada kehidupan individu muslim.
- [a] Jelaskan maksud Iman, Islam dan Ihsan. [30 markah]
- [b] Berikan hujah-hujah anda untuk menjelaskan kenapa umat Islam sering diuji dengan perkara-perkara yang boleh menggugat keimanannya kepada Allah S.W.T. [40 markah]
- [c] Murtad atau keluar daripada Islam adalah perbuatan yang boleh membatalkan iman seseorang. Terangkan TIGA aspek seseorang itu menjadi murtad. [30 markah]
5. [a] Huraikan TIGA prinsip asas yang telah digariskan dalam perbahasan mengenai nama-nama dan sifat-sifat Allah S.W.T. menurut pandangan *ulama salaf* sahaja. [60 markah]

- [b] Huraikan pengertian *Tawhid Rububiyah* (توحيد ربوبية) dan *Tawhid Uluhiyyah* (توحيد ألوهية) serta hubungan antara keduanya.

[40 markah]

6. Huraikan konsep-konsep berikut dalam Islam:

- [a] *Wala'* [20 markah]
[b] *Ghuluw* [20 markah]
[c] *Ahl ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* [20 markah]
[d] *Tawassul shar'iyyah* [20 markah]
[e] *Tawakkul* [20 markah]